

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 29**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar dan peratusan yang mendapat CGPA 4.00 dari aliran STPM, matrikulasi dan politeknik yang tidak diberikan sebarang penempatan di universiti awam mengikut kaum/keturunan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA dan ILKA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Saban tahun KPM telah menerima peningkatan bilangan permohonan kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama daripada calon cemerlang dengan keputusan PNGK 4.0 di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), matrikulasi dan diploma. Bagi Sesi Akademik 2019/2020, seramai 2,168 calon lepasan STPM, matrikulasi dan politeknik yang mendapat PNGK 4.0 telah memohon UPU *Online* untuk melanjutkan pengajian ke universiti awam. Semua calon yang memohon dan layak telah ditawarkan tempat pengajian berdasarkan program yang dipilih oleh calon dengan pecahan 738 orang kaum bumiputera dan 1,430 orang bukan bumiputera.

Sekian, terima kasih.